

# 'Elemen kasih sayang semakin terhakis dalam dunia pendidikan'

UM-17/5/2006

KUALA LUMPUR 16 Mei - Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh yang dianugerahkan Tokoh Kepimpinan Pengurusan Pendidikan 2006, sedih kerana elemen cinta dan kasih sayang semakin terhakis dalam dunia pendidikan sekarang.

Menurutnya, apabila elemen berkenaan yang selama ini menyemarakkan bidang pendidikan negara semakin dilupakan, pelajar akan mempunyai sentimen takut dan benci kepada guru.

"Saya merasa kesal apabila melihat elemen-elemen itu semakin terhakis di sekolah terutama dalam kalangan guru sedangkan ini adalah aspek penting dan saya berharap elemen ini akan terus dipupuk demi anak bangsa kita," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menerima anugerah tersebut sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Pemilihan Awang Had, 72, berdasarkan ketokohnya dalam kepimpinan terutama

pembabitannya dalam bidang pendidikan lebih 34 tahun.

Beliau menyifatkan anugerah tersebut suatu penghormatan tinggi kepadanya dan amat terharu dengan pemilihan itu.

"Hati saya amat tersentuh dengan penghormatan ini, setelah sekian lama masih ada pihak yang mahu memberi anugerah sebegini kepada saya," katanya.

Awang Had yang kelihatan uzur dan berkerusi roda ketika menghadiri majlis tersebut, menerima pingat Tokoh Kepimpinan Pengurusan Pendidikan, piala dan wang tunai RM10,000 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Awang Had dilahirkan pada 24 Jun 1934 di Kampung Bagan Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Pulau Betong, Sekolah Melayu Semeling dan Sekolah Melayu Gurun, Kedah pada 1942 sehingga 1943 sebelum berpindah ke Sekolah Melayu Sungai Korok Lama, Alor Star, Ke-

dah.

Beliau pernah berkhidmat sebagai guru di Sekolah Melayu Gunung, (1950), Sekolah Melayu Derga, Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star (1957) dan Penolong Pensyarah di Pusat Latihan Harian (DTC), Alor Star, kesemuanya di Kedah.

Beliau juga pernah menjadi Pengarah Institut Teknologi Mara (ITM) pada 1978-1980, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 1980-1984.

Awang Had pernah menyandang jawatan penting lain seperti Penasihat Khas Kementerian Pendidikan (1989-1990), Penasihat Kehormat Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Beliau turut aktif dalam bidang penulisan dengan terhasilnya dua karya pentingnya iaitu kumpulan cerpen *Merah Kuning Biru* dan novel *Biru Warna*.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada Prof. Dr. Awang Had Salleh yang dipilih sebagai Tokoh Kepimpinan Pengurusan Pendidikan 2006 sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar RAJA JAAFAR ALI